


Pendidikan Politik
dan
Khilafah Islam
dalam
Pelbagai Perspektif

Yahaya Jusoh
Kamarul Azmi Jaumi



Pendidikan Politik *dan* Khilafah Islam *dalam* Pelbagai Perspektif

Buku ini membincangkan tugas membentuk pemimpin dan rakyat dalam memahami, menghayati, dan mengaplikasikan agenda khilafah Islamiyah. Pembentukan khilafah Islamiyah berkait rapat dengan modal insan pemimpin dan rakyat dalam sesebuah negara. Sejahtera mana cemerlangnya pembangunan pemimpin dan rakyat sebuah itu kecermerlangan sesebuah negara dapat dicapai. Justeru buku ini cuba meneggarap kefahaman konsep asas khilafah Islamiyah dan metodologi pembentukan negara Islam supaya pembaca memahami secara mendalam ciri-ciri khilafah Islamiyah dan metodologi pembentukannya. Selain itu, tugas pemimpin dan rakyat, model perjuangan politik dan bernegara serta cabaran dalam mendaulatkan khilafah Islamiyah juga dibincangkan secara ilmiah. Tujuannya adalah untuk memberi kesedaran terhadap peranan dan tanggungjawab mereka sama ada sebagai pemimpin atau rakyat agar mereka lebih bijaksana, dinamik dan berwawasan dalam perjuangan menegakkan khilafah Islamiyah.

Buku ini sesuai digunakan sebagai rujukan dan bahan bacaan oleh pelajar dan pensyarah serta pembaca umum yang ingin memahami pendidikan dan pendidikan khilafah Islamiyah dalam dunia Islam.



Yahaya bin Jusoh ialah pensyarah di Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia sejak tahun 1986. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Sejarah dan Tamadun) dari Universiti Al-Azhar, Mesir; Ijazah Sarjana (Pengajian Islam) dari University of Kent, United Kingdom; dan Ph.D (Tafsir) dari Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Jakarta. Beliau telah menghasilkan sebuah karya (penulisan bersama) berjudul *Interaksi Harta dalam*

Al-Quran: Pengertian, Pengumpulan dan Pemanfaatan yang diterbitkan Penerbit UTM pada tahun 2005.



Kamarul Azmi bin Jasmi pernah berkhidmat sebagai guru pendidikan Islam sebelum bertugas sebagai pensyarah di Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dan Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya. Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan pendidikan Islam seperti sumbangan bab dalam buku serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sumbangan beberapa bab dalam karya yang berjudul *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alat Baru, Krisis dan Konflik Institusi Keluarga*, dan *Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia dan Kerjaya*, semuanya telah diterbitkan pada tahun 2005 oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Penerbit
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ISBN 983-52-0406-3



9 789835 204067

Edisi Pertama 2006
© YAHAYA JUSOH & KAMARUL AZMI JASMI 2006

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Yahaya Jusoh

Pendidikan politik dan khilafah Islam dalam pelbagai perspektif /
Yahaya Jusoh, Kamarul Azmi b. Jasmi.

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms. 147

ISBN 983-52-0406-3

1. Islam and politics. 2. Islam and state. 3. Caliphate. 4. Caliphs.
I. Kamarul Azmi b. Jasmi. II. Judul.

297.272

Editor: MOHD. ISMAIL MUSTARI
Pereka Kulit: ZALAWATI SUFIAN

Diatur huruf oleh / *Typeset by*
KAMARUL AZMI JASMI

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Skudai,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
34 - 38, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti,
81300 Skudai,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

(PENERBIT UTM anggota PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION dengan no. keahlian 9101)

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*




CETAK RATU SDN. BHD.,
No. 12, Jalan Permatang 8,
Taman Desa Jaya,
81100 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>ix</i>
<i>Transliterasi</i>	<i>xi</i>
<i>Singkatan</i>	<i>xiii</i>
1. Definisi Khalifah dalam al-Quran	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pentafsiran Makna Khalifah dalam al-Quran	2
1.3 Pentafsiran Makna Kekhalifahan di Bumi	11
1.4 Kesimpulan	14
2. <i>Shūrā</i>: Peranannya dalam Pemerintahan	15
2.1 Pendahuluan	15
2.2 Pentafsiran Makna <i>Shūrā</i> dalam al-Quran	15
2.3 Syura dalam Konteks Organisasi dan Pentadbiran	21
2.4 Model Syura Rasulullah s.a.w.	26
2.5 Model Syura <i>Khulafā' al-Rāshidīn</i>	27
2.6 Kesimpulan	28

3. Kerajaan Adil dan Beramanah	29
3.1 Pendahuluan	29
3.2 Definisi	29
3.3 Konsep Kerajaan dalam Islam	33
3.4 Kesimpulan	35
4. Pembentukan <i>khilāfah Islāmiyyah</i> dengan Jalan Kenabian	37
4.1 Pendahuluan	37
4.2 Janji Rasulullah s.a.w. tentang <i>khilāfah Islāmiyyah</i> Selepasnya	37
4.3 Ciri Pejuang yang Layak Mendapatkan <i>Khilāfah</i>	39
4.4 Ciri Pejuang Agama Allah S.W.T.	44
4.5 Kesimpulan	54
5. Tugas Asasi Khalifah Islam	57
5.1 Pendahuluan	57
5.2 Menegakkan Keadilan	57
5.3 Menjaga Kebajikan Rakyat	59
5.4 Menyayangi Rakyat	59
5.5 Menegakkan Syariat Allah S.W.T.	61
5.6 Membimbing Rakyat ke Jalan Kebaikan	61
5.7 Menunjukkan Contoh Teladan yang Baik	62
5.8 Memandu Manusia dalam Urusan Keagamaan dan Keduniaan	63
5.9 Menjaga Hubungan Baik dengan Masyarakat Bukan Muslim (<i>Zimmi</i>)	66
5.10 Kesimpulan	67
6. Mendidik Diri Menjadi Rakyat yang Baik	69
6.1 Pendahuluan	69
6.2 Prinsip Ketaatan Rakyat	70
6.3 Hukum Mentaati Pemerintah Muslim	74
6.4 Bila Arahan Pemerintah yang boleh Diingkari?	78
6.5 Kesimpulan	81

7. Menghayati Perjuangan <i>Al-Ikhwān Al-Muslimūn</i>	83
7.1 Pendahuluan	83
7.2 Zaman Pembentukan dan Pertumbuhan	84
7.3 Zaman Aktiviti Politik dan Perkembangan	93
7.4 Zaman Perkembangan Sebelum Revolusi	95
7.5 Kesimpulan	96
8. Kemunduran dan Kehancuran <i>Bani Umayyah</i>	99
8.1 Pendahuluan	99
8.2 Faktor Kemunduran dan Kehancuran	100
8.3 Kesimpulan	109
9. <i>Khilāfah Fāṭimiyyah</i> dan Zaman Kemajuannya	111
9.1 Pendahuluan	111
9.2 Pembentukan <i>Khilāfah</i> Islamiyah	113
9.3 Kemajuan <i>Fāṭimiyyah</i> di Mesir	116
9.4 Kesimpulan	121
10. Perjuangan Menegakkan Perlembagaan Islam: Pengalaman Pakistan	123
10.1 Pendahuluan	123
10.2 Pembentukan Konstitusi Pertama Pakistan	124
10.3 Pembentukan Konstitusi Kedua Pakistan	127
10.4 Pembentukan <i>Pakistan People's Party</i>	129
10.5 Pemerintahan Zia al-Haq	131
10.6 Pemerintahan Selepas Zia al-Haq	132
10.7 Kesimpulan	132
GLOSARI	135
RUJUKAN	147
INDEKS	151



PRAKATA

Segala pujian bagi Allah S.W.T. yang menjadikan manusia sebagai khalifah bagi memakmurkan alam ini. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. selaku ikutan mulia dalam mentadbir *khilāfah Islāmiyyah*. Selawat dan salam juga ke atas ahli keluarga, sahabat-sahabatnya, *tabi'īn* dan *tabi'-tabi'īn* sekeliannya.

Al-Hamdulillāh bersyukur kami ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah kurnia-Nya kami berjaya menyiapkan sepuluh bab yang berkaitan dengan pendidikan politik dan *khilāfah Islāmiyyah* dalam pelbagai perspektif.

Bab yang dimuatkan dalam buku ini membincangkan secara tuntas beberapa definisi utama tentang politik dan *khilāfah Islāmiyyah*. Tujuan utama penulisan ini adalah bagi memberikan kefahaman yang sebenar tentang definisi khālifah, syura dan kerajaan adil dan beramanah agar penghayatan terhadap pendidikan politik dan khilafah Islam benar-benar difahami.

Kemudian perbincangan ditumpukan kepada tugas utama pemerintah dalam sistem *khilāfah Islāmiyyah*, zaman kebangkitan Rasulullah s.a.w. Memperkasakan tanggungjawab khilafah dibincangkan secara umum untuk dijadikan sebagai model kepada umat akan datang. Perkara yang ditekankan seterusnya kepada pendidikan diri terhadap pembentukan rakyat yang baik dari perspektif Islam. Dengan perkongsian ini diharapkan agar rakyat dalam sebuah negara Islam benar-benar memahami dan

menghayati kewajipan mereka sebagai ahli masyarakat.

Bahagian terakhir perbincangan menyentuh tentang sejarah politik dan khilafah Islam dari segi organisasi perjuangan politik yang utama di Mesir, iaitu gerakan *al-Ikhwān al-Muslimīn*. Perbincangan sejarah kejatuhan kerajaan *Umayyah* diketengahkan bagi menimbulkan kesedaran kepada khilafah Islam semasa terhadap faktor kejatuhan tersebut. Selain itu, pemerintahan kerajaan *Fāṭimīyah* Mesir dan segala usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan itu dibincangkan secara ringkas bagi mengambil pengajaran terhadap usaha mereka memajukan Mesir. Usaha mendirikan konstitusi Islam di Pakistan juga ditumpukan dalam perbincangan terakhir bahagian sejarah politik dan *khilāfah Islāmīyah* buku ini.

Harapan kami, buku ini dapat menjadi pedoman umum bagi meningkatkan pengetahuan pembaca tentang pemerintah Islam dan agenda politiknya. Buku ini juga diharapkan agar dapat menggerak dan memotivasikan golongan pemerintah serta rakyat untuk menghayati tanggungjawab masing-masing dalam politik dan *khilāfah Islāmīyah*. Sekian. Wassalam

Yahaya Jusoh

Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial

Universiti Teknologi Malaysia

2006

TRANSLITERASI

Ejaan kalimah Arab berdasarkan kepada sistem transliterasi berikut:

Huruf Arab	Transliterasi	Huruf Arab	Transliterasi
أ	a/'a	ض	d
ب	b	ط	ṭ
ت	t	ظ	ẓ
ث	th	ع	ʿ
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w/u
ش	sh	ه	h
ص	ṣ	ي	y




xii *Transliterasi*

Manakala bagi huruf panjang dalam ejaan Arab pula dengan penggunaan transliterasi berikut:

Huruf Arab	Transliterasi
ا	ā
و	ī
ي	ū

SINGKATAN

a.s.	<i>‘alāhi al-salām</i>
H	Hijrah
H.R.	Hadis Riwayat oleh
jil.	jilid
juz.	juzuk
M	Masihi
PPP	<i>Pakistan People's Party</i>
Pt.	Percetakan
rah.	<i>rahmatuLlāh ‘alaih</i>
s.a.w	<i>ṣallaLlāhu ‘alaihi wa sallam</i>
S.W.T.	Subhanahu Wa Ta‘ālā
t.t.	tanpa tarikh
t.t.c.	tanpa tempat cetakan
ter.	terjemahan





DEFINISI KHALIFAH DALAM AL-QURAN

1.1 PENDAHULUAN

Dalam al-Quran terdapat perkataan *khalīfah* bentuk *mufrad* atau tunggal yang disebut sebanyak dua kali, yaitu dalam surah *al-Baqarah*, 2:30 dan surah *Ṣād*, 38:26. Kemudian terdapat dua bentuk jamak yang menunjukkan banyak atau ramai, yaitu dalam perkataan *khalā'if* (semua khalifah) yang disebut sebanyak empat kali: dalam surah *al-An'ām*, 6:165, surah *Yūnus*, 10:14, 73 dan surah *Fātir*, 35:39 dan perkataan *khulafā'* (semua khali-fah) disebut sebanyak tiga kali dalam surah *al-A'rāf*, 7:69, 74 dan surah *al-Naml*, 27:62.

Bab ini membicarakan tentang pentafsiran makna *khalīfah* dalam al-Quran dengan meneliti ayat yang bersangkutan mengikut metode *tematik*.

1.2 PENTAFSIRAN MAKNA KHALIFAH DALAM AL-QURAN

Pelbagai perkataan digunakan oleh al-Quran yang datang daripada kalimah khalifah. Tafsiran makna asal khalifah, pecahan dan sinonimnya dibincangkan dalam subbahagian berikut.

1.2.1 Perkataan *khalīfah* dan Ertinya dalam al-Quran

Perkataan *khalīfah* berasal daripada kata *khalaḥa* yang bererti

2 Pendidikan Politik dan *Khilafah* Islam dalam Pelbagai Perspektif

belakang. Perkataan *khalifah* ini dapat diertikan dari dua segi (Shihab, 1992: 156-158 dan Yahaya Jusoh, 1982: 107):

- (1) Literal bahasa, iaitu seseorang yang datang dari belakang sebagai pengganti bagi melaksanakan tugas dan kerja orang lain. Selalu digunakan perkataan *khalifah* itu sebagai pengganti atau penguasa.
- (2) Istilah, iaitu seseorang yang dilantik sebagai ketua negara yang berautoriti dalam mentadbir urusan agama dan politik dunia secara adil (surah *Ṣād*, 38:26).

Terdapat dua tempat dalam al-Quran yang menggunakan perkataan *khalifah*, iaitu dalam surah *al-Baqarah*, 2:30 dan surah *Ṣād*, 38:26. Allah S.W.T. berfirman,

Terjemahan: “Dan (*ingatlah*) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang *khalifah* di bumi.”

(Surah *al-Baqarah*, 2:30)

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّيْ جَاعِلٌ فِى الْاَرْضِ خَلِيْفَةً

Al-Shaibānī (t.t.) dalam *Tafsīr Khātib*, menjelaskan maksud perkataan *khalifah* dalam bentuk *mufrad* dalam ayat ini ditujukan kepada Nabi Ādam a.s. sebagai khalifah di bumi untuk membangunkan kemakmuran dunia, memimpin politik manusia, membentuk jiwa manusia dan melatih diri manusia supaya bertanggungjawab sebagai khalifah Allah S.W.T. di dunia. Oleh itu, Allah S.W.T. memberikan kuasa politik kepada Nabi Ādam a.s. dan kedudukannya sebagai khalifah Allah S.W.T. yang berautoriti untuk memerintah seluruh dunia (Shihab, 1992:158). Sebelum Nabi Ādam a.s. dianugerahkan kuasa politik untuk mentadbir dunia, Allah S.W.T. telah mengajar kepada Nabi Ādam a.s. segala ilmu pengetahuan (surah *al-Baqarah*, 2:31). Allah S.W.T. memerintahkan kepada para malaikat untuk sujud kepada Nabi Ādam a.s. bagi memuliakannya sebagai khalifah Allah S.W.T. (surah *al-Baqarah*, 2:34). Nabi Ādam a.s. dan isteri seterusnya menjadi tetamu

Definisi Khalifah dalam al-Quran 3

Allah S.W.T. di syurga (surah *al-Baqarah*, 2:34). Selepas itu, Allah S.W.T. memerintahkan Nabi Ādam a.s. turun ke dunia untuk memikul tugasnya sebagai khalifah Allah S.W.T. setelah Nabi Ādam a.s. dan isterinya melanggar peraturan menetap sementara di syurga dengan memakan buah khuldi (surah *al-Baqarah*, 2:38, 35, 36) dan Allah S.W.T. memperkenankan taubat Nabi Ādam a.s. (surah *al-Baqarah*, 2:37). Kemudian Allah S.W.T. memberikan pertunjuknya kepada Nabi Ādam a.s. sebagai menjadi suatu peraturan dalam melaksanakan syariat Allah S.W.T. di dunia. Allah S.W.T. berfirman,

Terjemahan: "Kami berfirman lagi, "Turunlah kamu semuanya dari syurga itu! Kemudian jika datang kepada kamu petunjuk dari-Ku (melalui Rasul-rasul dan Kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka), maka sesiapa yang mengikuti petunjuk-Ku itu nescaya tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita."

قُلْنَا أَهْبَطُوا مِنْهَا جَمِيعًا ۖ فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُمْ مِنِّي هُدًى فَمَنْ تَبِعَ هُدَايَ فَلَا

خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٨﴾

(Surah *al-Baqarah*, 2:38)

Dalam surah *Sād* 38:26, perkataan *khalīfah* yang berbentuk *mufrad* juga berbunyi,

Terjemahan: "Wahai Dāwud, sesungguhnya Kami telah menjadikannu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan

يٰۤاٰدُوۤدُ ۗ اِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِى الْاَرْضِ ۖ فَاٰحِمْ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ ۗ وَلَا

تَتَّبِعِ الْهَوٰى فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيْلِ اللّٰهِ ۗ اِنَّ الَّذِيْنَ يَضِلُّوْنَ عَنْ سَبِيْلِ اللّٰهِ

لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيْدٌۢ بِمَا نَسُوۤا يَوْمَ الْحِسَابِ ﴿٢٦﴾

amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu."